

TEKS UCAPAN

**OLEH
YB. DATUK MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SEMPENA
MAJLIS SERAH-TERIMA TUGAS
YANG BERHORMAT MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**BILIK GERAKAN, MOSTI
JUMAAT, 14 OGOS 2015
JAM 2.45 PETANG**

YANG BERHORMAT DATUK DR. EWON EBIN
Mantan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

YANG BERHORMAT DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

YANG BERBAHAGIA DATO' SRI DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR
Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. MOHD AZHAR HJ YAHAYA
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOSTI

YANG BERUSAHA DR. ZULKIFLI MOHAMED HASHIM
Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI

Ketua-Ketua Jabatan/Agensi MOSTI

YBhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Salam 1 Malaysia dan Salam 1 MOSTI

[Salutasi akan dimuktamadkan berdasarkan pengesahan kehadiran]

Ucapan Terima Kasih

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak urus setia kerana telah mengadakan Majlis Serah-Terima Tugas saya sebagai Menteri di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan **ucapan terima kasih kepada YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Ahli Parlimen Ranau, mantan Menteri MOSTI yang telah sudi meluangkan masa untuk menghadiri majlis kita ini.** Sesungguhnya YB Datuk Dr. Ewon Ebin dan seluruh pasukan beliau telah memberi sumbangan kepada kelangsungan dan kecemerlangan STI di Malaysia selama ini.
3. Seperti yang semua sedia maklum, saya telah **mengangkat sumpah memegang jawatan sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada 4 Ogos yang lepas.** Saya sedar amanah ini adalah satu tanggungjawab yang besar yang harus dipikul. Apatah lagi dengan kewibawaan yang telah ditunjukkan oleh YB. Datuk Dr. Ewon semasa menerajui Kementerian ini.

Rancangan Malaysia Ke-11

YBhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan

4. Rancangan Malaysia Ke-11 akan bermula pada tahun 2016 - 2020. MOSTI telah menerima peruntukan yang banyak dan sebagai sebuah Kementerian yang menerajui bidang STI. Saya amat berharap prestasi perbelanjaan MOSTI pada RMKe11 ini akan dapat dilaksanakan

secara berkesan seperti dirancang untuk menjamin kesejahteraan rakyat.

5. Negara kita amat memerlukan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara seterusnya menggalakkan pengkomersilan selaras dengan Dasar Sains dan Teknologi Negara yang bertujuan “menggalakkan penggunaan S&T sebagai satu alat untuk pembangunan ekonomi negara”.

Merakytakan Inovasi

6. Kita sedar selama ini inovasi Negara banyak dicipta di dalam makmal tetapi trend ini harus berubah. Rakyat biasa Malaysia juga tidak kurang kemampuannya dalam mencipta inovasi yang boleh membantu Malaysia bagi mencapai wawasan negara menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab kita di MOSTI untuk memastikan inovasi-inovasi rakyat ini dapat diketengahkan dan mendapat pengiktirafan sewajarnya.

7. Agenda merakytakan inovasi ini seharusnya dijadikan realiti dan berupaya menjadi salah satu penjana utama kepada kekayaan rakyat dan negara. Dalam hal ini, kalau selama ini agenda inovasi adalah sebagai agenda Kerajaan, tetapi selepas ini ia bukan sahaja agenda Kerajaan tetapi kita akan jadikan dia sebagai agenda rakyat.

Pencapaian KPI 2014

8. Saya dimaklumkan bahawa pencapaian **KPI MOSTI pada tahun 2013 dan 2014 adalah merupakan antara yang tertinggi dan terbaik di kalangan semua Kementerian-Kementerian**. Sehubungan itu, adalah menjadi harapan saya agar pencapaian ini akan dapat diteruskan bagi tahun-tahun akan datang.

Way Forward

9. Sebagai Menteri baharu, saya menaruh **harapan yang penuh kepada kepimpinan YBhg. Dato' Sri Dr. KSU, barisan Pegawai Pengurusan Tertinggi MOSTI serta Jabatan dan Agensi untuk bergerak sebagai sebuah pasukan** untuk memastikan agenda STI dapat mencipta kekayaan serta menjana ekonomi Negara.

10. Akhir kata, saya, sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan Selamat Maju Jaya kepada **YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Ahli Parlimen Ranau serta semua warga MOSTI**.

Sekian.